

# MTUC perlu sedar kesan piket: Fong

**K**UALA LUMPUR: Negara akan merasai kesan negatif yang besar jika Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) meneruskan hasrat mengadakan piket di seluruh negara untuk mendesak pelaksanaan gaji minimum sektor swasta.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr Fong Chan Onn, berkata MTUC harus sedar implikasi yang harus ditanggung negara termasuk kepada iklim pelaburan dan pandangan masyarakat antarabangsa kepada Malaysia.

"Kita harap MTUC tidak meneruskan hasrat mereka untuk berpiket. Ia akan membawa kesan dan memberi imej buruk kepada negara dan seterusnya menakutkan pelabur," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar Jumaat lalu mengenai hasrat MTUC meneruskan piket di seluruh negara pada 8 Ogos ini bagi mendesak kerajaan menimbang pemberian gaji minimum RM900 dan elaun Cola RM300 kepada pekerja sektor swasta.

Fong berkata, kerajaan bersimpati nasib pekerja sektor tertentu yang menerima gaji rendah.

"Kerajaan tidak berdiam diri. Lagipun, kerajaan dan MTUC masih berunding mencari formula terbaik. MTUC seharusnya membatalkan rancangan itu (berpiket) dan meneruskan rundingan," katanya.

Beliau berkata, antara formula yang dibincangkan termasuk mewujudkan Majlis Penetapan Gaji (MPG) yang lebih menyeluruh.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin Bar dan berkata, hasrat MTUC itu dikhawatir menjejaskan keupayaan negara menarik pelabur antarabangsa.

"MEF amat kecewa dengan hasrat MTUC ini. Sektor swasta di-

gerakkan oleh produktiviti dan kuasa pasaran. Kita harap MTUC memahami perkara ini," katanya.